



Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia

**HUBUNGAN ANTARA PERSONALITI BIG FIVE TERHADAP
PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR**

Hafizah Binti Abdul Razak

**BF
698.9
A3
H139
2015**

**Sarjana Muda Sains (Kepujian) Sains Kognitif
2015**

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

A -

Grade: _____

Please tick one

- Final Year Project Report
- Masters
- PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the 19 day of JUNE year 2015.

Student's Declaration:

I, HAFIZAH BINTI ABDUL RAZAK , 36162, FACULTY OF COGNITIVE SCIENCES AND HUMAN DEVELOPMENT, hereby declare that the work entitled, HUBUNGAN ANTARA PERSONALITI BIG FIVE TERHADAP PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources with the exception where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part of the work been written for me by another person.

19 JUNE 2015



HAFIZAH BT ABDUL RAZAK (36162)

Supervisor's Declaration:

I, NUR FATIHAH BT MAT YUSOFF , hereby certify that the work entitled, HUBUNGAN ANTARA PERSONALITI BIG FIVE TERHADAP PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR was prepared by the aforementioned or above mentioned student, and was submitted to the "FACULTY" as a *partial/full fulfillment for the conferment of BACHELOR OF SCIENCE WITH HONOURS (COGNITIVE SCIENCE), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work



19 JUNE 2015

Received for examination by: _____

Date: _____

(NUR FATIHAH BT MAT YUSOFF)

I declare this Project/Thesis is classified as (Please tick (✓)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
- RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)*
- OPEN ACCESS**

I declare this Project/Thesis is to be submitted to the Centre for Academic Information Services (CAIS) and uploaded into UNIMAS Institutional Repository (UNIMAS IR) (Please tick (✓)):

- YES**
- NO**

Validation of Project/Thesis

I hereby duly affirmed with free consent and willingness declared that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abide interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic and research purposes only and not for other purposes.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitize the content to be uploaded into Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis if required for use by other parties for academic purposes or by other Higher Learning Institutes.
- No dispute or any claim shall arise from the student himself / herself neither a third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student himself/herself without first obtaining approval from UNIMAS.

Student's signature: Hafizah

Date: 19 JUNE 2015

Supervisor's signature: Fahru

Date: 19 JUNE 2015

Current Address:

NO 5606 TAMAN BUKIT RIA 73000, TAMPIN NEGERI SEMBILAN

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the date of restriction indicated, and the reasons for the confidentiality and restriction.

**HUBUNGAN ANTARA PERSONALITI BIG FIVE TERHADAP PENCAPAIAN
AKADEMIK PELAJAR**

HAFIZAH BINTI ABDUL RAZAK

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian
(Sains Kognitif)

Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
(2015)

Projek bertajuk ‘Hubungan Antara Personaliti Big Five Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar’ telah disediakan oleh Hafizah Binti Abdul Razak dan telah diserahkan kepada Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Sains Kognitif).

Diterima untuk diperiksa oleh



(Nur Fatihah Bt Mat Yusoff)

Tarikh:

19/6/2015

Gred

A -

PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya dan rahmat-Nya dapat saya menyempurnakan kajian ini. Setinggi-tinggi ucapan ribuan terima kasih saya tujukan kepada penyelia saya, Puan Nur Fatihah Bt Mat Yusoff atas segala bimbingan, tunjuk ajar, idea, nasihat, cadangan dan dorongan sepanjang saya menjalankan kajian ini.

Tidak lupa juga kepada kedua ibu bapa saya, Abdul Razak Ali dan Hanizah Abdullah di atas sokongan dan galakan yang telah diberikan semasa saya menjalankan kajian ini. Malah, jutaan terima kasih juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang sering bertukar idea dalam membantu saya menyempurnakan kajian ini.

Untuk mencapai tujuan ini, sekalung penghargaan terima kasih saya tujukan kepada pelajar-pelajar di UNIMAS yang telah memberi kerjasama dengan baik.

ISI KANDUNGAN

SENARAI JADUAL.....	iv
SENARAI GAMBAR RAJAH.....	v
ABSTRAK.....	vii
BAB SATU: PENGENALAN	1
BAB DUA: SOROTAN KAJIAN	11
BAB TIGA: METODOLOGI KAJIAN.....	22
BAB EMPAT: DAPATAN KAJIAN	31
BAB LIMA: KESIMPULAN	54
RUJUKAN.....	58
LAMPIRAN.....	62

SENARAI JADUAL

Jadual 1: Personaliti <i>Big Five</i> yang dikemukakan oleh Costa & McCrae	11
Jadual 2: Skala <i>Likert</i>	23
Jadual 3: Tafsiran Korelasi Pearson.....	27
Jadual 4: Jenis pengukuran yang digunakan untuk setiap hipotesis dan persoalan kajian	27
Jadual 5: Taburan responden mengikut jantina	31
Jadual 6: Taburan responden mengikut umur.....	33
Jadual 7: Taburan responden mengikut bangsa	35
Jadual 8: Taburan responden mengikut fakulti	37
Jadual 9: Taburan responden mengikut tahun pengajian.....	38
Jadual 10: Taburan responden mengikut PNGK semasa	39
Jadual 11: Kesahihan dan Kebolehpercayaan untuk Item Personaliti <i>Big Five</i>	40
Jadual 12: <i>Normality Test</i> untuk Item Personaliti <i>Big Five</i>	42
Jadual 13: Analisis Statistik <i>Independent-samples t-test</i> bagi Item Personaliti <i>Big Five</i>	43
Jadual 14: Analisis Statistik <i>Independent-samples t-test</i> bagi Item Pencapaian Akademik Pelajar	44
Jadual 15: Analisis Statistik <i>One-way ANOVA</i> bagi Item Personaliti <i>Big Five</i>	45
Jadual 16: Analisis Statistik <i>One-way ANOVA</i> bagi Item Pencapaian Akademik Pelajar	46
Jadual 17: Analisis Statistik Korelasi <i>Pearson</i> bagi Item Personaliti <i>Big Five</i>	48
Jadual 18: Analisis Statistik <i>Multiple Regression</i>	50
Jadual 19: Analisis Statistik <i>Multiple Regression Coefficients</i>	50
Jadual 20: Jadual bagi <i>excluded variables</i> dalam analisis statistik <i>Multiple Regression</i>	51
Jadual 21: Ringkasan Hasil Kajian	52

SENARAI GAMBAR RAJAH

<i>Rajah 1.</i> Kerangka Konseptual	9
<i>Rajah 2.</i> Carta bar mengenai taburan responden mengikut jantina	32
<i>Rajah 3.</i> Carta bar bagi mengenai taburan responden mengikut umur.....	33
<i>Rajah 4.</i> Carta pai mengenai taburan responden mengikut bangsa	35
<i>Rajah 5.</i> Carta bar mengenai taburan responden mengikut fakulti.....	37
<i>Rajah 6.</i> Carta bar mengenai taburan responden mengikut tahun pengajian.....	39

ABSTRACT

Personality always influence the students' academic achievement. This study examined the Big Five personality with students' academic achievement. This was done to identify the relationship between Big Five personality towards academic achievement among students in UNIMAS. Data of respondent ($N = 200$) were analyzed using *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS). This study also used several statistical analysis methods, which were Independent-samples t-test, One-way analysis of variance (ANOVA), Pearson correlation and Multiple regression. The result showed that Big Five personality was significant difference with gender in term of extraversion and neuroticism personality trait. For the academic achievement and race, there was a significant difference between these two variables. Furthermore, the result showed positive correlation between Big Five personality towards students' academic achievement although it was indicated as a weak relationship between these two variables. The personality trait that contributed to this result is the personality trait of extraversion. The domain personality trait that influence students' academic achievement is extraversion. These results showed that Big Five personality influence the students' academic achievement.

Keywords: Big Five performance, Academic Achievement, students

ABSTRAK

Personaliti sentiasa mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Kajian ini mengkaji personaliti *Big Five* dengan pencapaian akademik pelajar. Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti hubungan antara personaliti *Big Five* terhadap pencapaian akademik dalam kalangan pelajar di UNIMAS. Data daripada responden ($N = 200$) dianalisis menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS). Kajian ini juga menggunakan beberapa kaedah analisis statistik iaitu *Independent-samples t-test*, *One-way analysis of variance* (ANOVA), Korelasi *Pearson* dan *Multiple regression*. Hasil kajian menunjukkan bahawa personaliti *Big Five* mempunyai perbezaan yang signifikan dengan jantina dari segi personaliti trait *extraversion* dan personaliti trait *neuroticism*. Bagi pencapaian akademik dan bangsa, terdapat juga perbezaan yang signifikan antara kedua-dua pembolehubah ini. Tambahan pula, hasil kajian menunjukkan terdapat korelasi yang positif antara personaliti *Big Five* terhadap pencapaian akademik pelajar walaupun ia dinyatakan sebagai hubungan yang lemah antara kedua-dua pembolehubah tersebut. Personaliti trait yang mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik pelajar adalah personaliti trait *extraversion*. Personaliti trait yang paling dominan yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar juga adalah personaliti trait *extraversion*. Keputusan ini menunjukkan bahawa personaliti *Big Five* mempengaruhi pencapaian akademik pelajar.

Kata kunci: Personaliti *Big Five*, Pencapaian Akademik, Pelajar

BAB SATU

PENGENALAN

Latar Belakang Kajian

Menurut McClelland (1967), pelajar yang cemerlang dalam akademik memiliki personaliti yang berbeza. Justeru, aspek personaliti sering dikaitkan dengan pencapaian akademik pelajar bagi memastikan seseorang pelajar itu menjadi pelajar yang cemerlang sama ada di peringkat sekolah atau universiti. Bahkan, Larsen dan Buss (2002) juga berpendapat bahawa aspek personaliti itu penting dan pelajar harus mengetahui fungsi personaliti tersebut. Terdapat tiga fungsi personaliti, pertama, membantu untuk memberi gambaran terhadap seseorang dan perbezaan meraka. Kedua, membantu untuk mengenali tingkah laku seseorang. Fungsi yang ketiga ialah membantu untuk membuat jangkaan terhadap tingkah laku seseorang. Terdapat juga beberapa aspek yang boleh mengambarkan personaliti seseorang. Aspek tersebut ialah sahsiah diri dan tingkah laku seseorang. Sahsiah diri bermaksud keperibadian yang boleh digambarkan melalui tingkah laku seseorang (Habibah & Noran Fauziah, 2002). Tingkah laku seseorang pula boleh dinilai melalui personalitinya (Larsen & Buss, 2008).

Pada kebiasaananya, kajian terhadap personaliti menggunakan teori *Five-Factor Model (FFM)* sebagai 67 asas kerangka kerja dalam penilaian terhadap personaliti seseorang. Beberapa dekad yang lepas penggunaan dimensi *Big Five* dalam *FFM* dipakai secara meluas berbanding dengan konstruk personaliti yang lain (John & Sriastava, 1999). *Big Five* personaliti bermaksud lima faktor utama yang mewakili personaliti trait tersebut. Lima faktor tersebut adalah personaliti trait *extraversion, agreeableness, conscientiousness, neuroticism* dan *openness to experience* (John, Naumann & Soto, 2008).

Secara umum *Big Five* merentas pelbagai budaya (Costa & McCrae, 1992) dan boleh menganggar dengan meluas hasilnya termasuk dari segi prestasi kerja seseorang (Barrick &

Mount, 1991), pencapaian akademik (Robins, John, & Caspi, 1998) dan kecelaruan personaliti (Costa & Widiger, 1994). Maka kajian ini menggunakan teori *Big Five* sebagai asas untuk menilai personaliti pelajar cemerlang akademik.

Pernyataan Masalah

Setiap individu mempunyai personaliti yang pelbagai dan jenis personaliti ini mempunyai kepentingan yang tersendiri dalam meningkatkan tahap pencapaian akademik pelajar. Pelajar juga boleh diganggu dengan pelbagai faktor dari segi tekanan emosi, kewangan, tidak minat terhadap jurusan yang diambil, masalah keluarga dan sebagainya. Faktor-faktor ini boleh mendatangkan masalah yang sering dikaitkan dengan personaliti pelajar.

Di era globalisasi sekarang, persaingan akademik dalam kalangan pelajar semakin meningkat. Justeru, kepentingan personaliti yang terdapat dalam personaliti *Big Five* sangat penting untuk menghasilkan pelajar yang berkualiti dan mempunyai produktivi yang bermutu tinggi. Oleh itu, penyelidikan ini telah mengkaji lebih mendalam tentang perkaitan antara jenis personaliti *Big Five* terhadap pencapaian akademik pelajar. Personaliti yang diukur ialah personaliti trait jenis *extraversion, agreeableness, conscientiousness, neuroticism* dan *openness to experience*.

Objektif Kajian

Objektif Umum

- i) Mengkaji perbezaan personaliti trait melalui faktor demografi (jantina dan bangsa).
- ii) Mengkaji perbezaan pencapaian akademik pelajar melalui faktor demografi (jantina dan bangsa).
- iii) Mengkaji hubungan antara personaliti *Big Five* terhadap pencapaian akademik pelajar di Universiti Malaysia Sarawak UNIMAS.

- iv) Mengenal pasti personaliti trait yang paling dominan yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar.

Objektif Khusus

1. Mengkaji perbezaan bagi personaliti trait *extraversion, agreeableness, conscientiousness, neuroticism* dan *openness to experience* dalam kalangan pelajar yang berlainan jantina.
2. Mengkaji perbezaan bagi pencapaian akademik dalam kalangan pelajar yang berlainan jantina.
3. Mengkaji perbezaan bagi personaliti trait *extraversion, agreeableness, conscientiousness, neuroticism* dan *openness to experience* dalam kalangan pelajar yang berlainan bangsa.
4. Mengkaji perbezaan bagi pencapaian akademik dalam kalangan pelajar yang berlainan bangsa.
5. Mengkaji kaitan antara personaliti trait *extraversion* terhadap pencapaian akademik pelajar.
6. Mengkaji kaitan antara personaliti trait *agreeableness* terhadap pencapaian akademik pelajar.
7. Mengkaji kaitan antara personaliti trait *conscientiousness* terhadap pencapaian akademik pelajar.
8. Mengkaji kaitan antara personaliti trait *neuroticism* terhadap pencapaian akademik pelajar.
9. Mengkaji kaitan antara personaliti trait *openness to experience* terhadap pencapaian akademik pelajar.
10. Mengkaji sifat personaliti yang paling dominan yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar.

Hipotesis Kajian

Berdasarkan persoalan kajian, terdapat sembilan hipotesis dan satu persoalan kajian di dalam kajian ini:

Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara personaliti trait *extraversion, agreeableness, conscientiousness, neuroticism* dan *openness to experience* dalam kalangan pelajar yang berlainan jantina.

Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian akademik dalam kalangan pelajar yang berlainan jantina.

Ho3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara personaliti trait *extraversion, agreeableness, conscientiousness, neuroticism* dan *openness to experience* dalam kalangan pelajar yang berlainan bangsa.

Ho4: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian akademik dalam kalangan pelajar yang berlainan bangsa.

Ho5: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara *extraversion* terhadap pencapaian akademik pelajar.

Ho6: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara *agreeableness* terhadap pencapaian akademik pelajar.

Ho7: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara *conscientiouness* terhadap pencapaian akademik pelajar.

Ho8: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara *neuroticism* terhadap pencapaian akademik pelajar.

Ho9: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara *openness to experience* terhadap pencapaian akademik pelajar.

Persoalan kajian: Apakah personaliti trait yang paling dominan yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar?

Definisi Istilah

Personaliti *Big Five*

Konseptual. Teori personaliti *Big Five* telah diperkenalkan oleh Lewis R. Goldberg pada tahun 1981. Menurut Lewis, personaliti adalah kelompok personal yang boleh digunakan untuk mengukur seseorang.

Operasional. Istilah personaliti berasal dari perkataan Latin iaitu “persona” yang bermaksud topeng muka. Tafsiran topeng muka ialah manusia cuba mengemuka dan menonjolkan perkara-perkara yang baik dan menyembunyikan perkara-perkara yang buruk mengenai dirinya. Walau bagaimanapun, maksud topeng muka yang difahami oleh orang ramai pada masa dahulu telah diubahsuai sekarang kepada sifat-sifat yang ada pada seseorang seperti cara berfikir, perilaku dan juga mental-emosi yang ditunjukkan. Sifat-sifat tersebut bergantung kepada penilaian seseorang kepada orang yang tertentu. Disebabkan oleh perubahan masa dan pemikiran manusia, maka definisi topeng muka ini juga turut berubah dan mempunyai makna yang pelbagai mengikut situasi (Jaafar, 2001). Selain itu, personaliti merupakan satu trait dalam diri setiap individu dan ia dipengaruhi oleh persekitaran dan seterusnya membentuk tingkah laku seseorang. Dalam bidang kajian ini, personaliti seseorang dapat dikenal pasti melalui cara pembawaan diri, tingkah laku dan persepsi mereka terhadap sesuatu perkara.

Extraversion

Konseptual. Menurut Sidek Mohd Noah (2005), pelajar yang mendapat skor tinggi adalah seorang yang sosial dan suka berinteraksi serta dikelilingi oleh orang ramai. Individu yang *extraversion* merupakan individu yang bertenaga dan asertif. Di samping itu, individu tersebut boleh melakukan sesuatu kerja dengan berjaya dan mempunyai karisma yang

tersendiri. Menurut Costa dan McCrae (1985), definisi personaliti trait bagi *extraversion* menggambarkan sesuatu kuantiti dan kesungguhan interaksi *interpersonal* yang memerlukan keperluan untuk rangsangan dan keupayaan untuk kegembiraan.

Operasional. Persekutaran di dalam kuliah dan tugas pelajar memainkan peranan yang penting dalam membentuk personaliti trait *extraversion*. *Extraversion* merupakan interaksi antara pelajar dengan pelajar lain serta ianya memainkan peranan yang penting bagi meningkatkan kepuasan dalam diri serta dapat membentuk penghargaan diri. Bahkan, komunikasi juga boleh berlaku sama ada dalam perbincangan kumpulan mengenai tugas mereka atau pertanyaan yang ditanya kepada pensyarah mereka.

Agreeableness

Konseptual. Berdasarkan Howard dan Howard (1998), *agreeableness* adalah sikap toleransi, simpati dan memaafkan. Pelajar yang mempunyai personaliti trait ini akan cenderung untuk bersifat harmoni, mudah berkawan dan lebih mementingkan orang lain daripada diri sendiri. Individu ini tidak sesuai untuk menjadi seorang ketua. Namun, individu yang mendapat skor rendah dalam dimensi ini merupakan seorang yang kritikal dan analitikal.

Operasional. Pengkaji mendefinisikan *agreeableness* merupakan sikap yang mudah mesra dengan orang lain, mudah untuk berurusan dari segi perbincangan, dan seorang yang taat dengan arahan. Bahkan, ini menjadikan individu ini jenis yang disenangi oleh orang ramai atau rakan-rakannya.

Conscientiousness

Konseptual. Definisi *conscientiousness* ialah individu yang menumpukan perhatian yang sepenuhnya dengan kerja, berstruktur dan mengikuti peraturan yang telah ditetapkan (Howard & Howard, 1998).

Operasional. Pelajar yang mempunyai personaliti trait *conscientiousness* akan melakukan sesuatu kerja dengan tekun dan konsisten hasil daripada motivasi diri sendiri.

Apabila pelajar mempunyai motivasi yang tinggi, pelajar tersebut secara tidak langsung bersungguh-sungguh dalam mengerjakan tugasannya. Pengkaji percaya bahawa apabila pelajar mempunyai semangat dalam setiap tugas yang diberi, ianya akan meningkatkan kepuasan kerja mereka.

Neuroticism

Konseptual. *Neuroticism* merupakan trait yang merangkumi kebimbangan, kemurungan, marah, malu, emosi, dan rasa tidak selamat (Barrick & Mount, 1991). Menurut Howard dan Howard (1998) pula, pelajar yang mendapat skor yang tinggi cenderung kepada panik, tidak stabil dan terbuka kepada emosi yang negatif manakala pelajar yang mendapat skor rendah pula cenderung untuk lebih optimistik, emosi yang stabil dan mudah pulih daripada kemurungan.

Operasional. Dalam kajian ini, pengkaji mahu melihat kaitan personaliti trait *neuroticism* dengan pelajar dan membuktikan ia boleh mempengaruhi tahap pencapaian akademik pelajar. Emosi pelajar yang tidak stabil boleh menjaskannya fungsi pembelajaran mereka. Emosi yang sering berubah-ubah boleh meninggalkan kesan yang negatif kepada pelajar seperti tekanan perasaan, kemurungan dan sebagainya.

Openness to Experience

Konseptual. *Openness to experience* menurut Howard dan Howard (1998) ialah penerimaan dengan terbuka dalam pemikaran, idea dan sesuatu perubahan. Pelajar yang mendapat skor yang tinggi dalam dimensi ini ialah individu yang tulen, kreatif dan mempunyai inkuiiri yang tinggi. Personaliti trait ini sering membawa kepada perubahan, suka kepada sesuatu yang kompleks serta boleh menyelesaikan masalah tanpa bantuan orang lain. Pelajar juga boleh menguruskan sesuatu sistem dan teknologi yang baru dengan mudah.

Operasional. Dari segi operasional pula, *openness to experience* merupakan satu personaliti trait yang dapat dikaitkan dengan cara penerimaan pelajar dengan perubahan

persekitaran dan pengalaman. Persediaan pelajar untuk menerima perubahan dalam sistem pendidikan sangat penting dan pengkaji mahu melihat adakah ia memberi kesan terhadap pencapaian akademik pelajar. Jika seseorang pelajar itu seorang yang positif dan optimistik, individu tersebut boleh menerima teguran atau kritikan dengan terbuka malah ia akan memberi kesan di dalam pencapaian akademik mereka.

Pencapaian akademik

Konseptual. Pencapaian akademik pelajar adalah perkara yang berkaitan dengan tahap kecemerlangan seseorang individu atau sejauh mana seseorang individu dapat menguasai ilmu yang dipelajari berdasarkan kepada mata nilai yang tertinggi yang dapat dikumpul oleh individu tersebut, yakni sesuatu yang dapat dilihat dan diukur nilainya.

Operasional. Pencapaian akademik adalah prestasi ujian pencapaian akademik. Dalam kajian ini, pencapaian akademik merujuk kepada Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) seperti yang dicapai oleh pelajar. Pencapaian akademik mempunyai empat tahap antaranya ialah lemah, sederhana, baik, dan cemerlang.


- | | |
|---|-----------------------|
| i. Pencapaian akademik yang lemah: | PNGK kurang dari 2.50 |
| ii. Pencapaian akademik yang sederhana: | PNGK antara 2.51-3.00 |
| iii. Pencapaian akademik yang baik: | PNGK antara 3.01-3.50 |
| iv. Pencapaian akademik yang cemerlang: | PNGK antara 3.50-4.00 |

Kerangka Konseptual

Rajah 1 menunjukkan tentang hubungan antara personaliti *Big Five* terhadap pencapaian akademik pelajar. Terdapat dua pembolehubah yang digunakan di dalam kajian ini. Pembolehubah yang pertama dikenal pasti sebagai pembolehubah tidak bersandar yang terdiri daripada personaliti *Big Five* iaitu *extraversion, agreeableness, conscientiousness, neuroticism* dan *openness to experience*. Bagi pembolehubah yang kedua pula adalah pembolehubah bersandar iaitu tahap pencapaian akademik pelajar.

Pembolehubah tidak bersandar

Pembolehubah bersandar



Rajah 1. Kerangka Konseptual

Kepentingan Kajian

Pengasas awal istilah “Personaliti Big Five” diperkenalkan oleh Lewis R. Goldberg pada tahun 1981. Sejak itu, ramai penyelidik lain telah menganalisis istilah “Personaliti Big Five” berdasarkan pelbagai konsep yang berbeza, unsur-unsur, kelompok dan domain. Malah, ahli psikologi di seluruh dunia tertarik untuk menyiasat atau mengkaji mengenai kepentingan personaliti *Big Five* dalam meningkatkan tahap pencapaian seseorang seperti pekerja, majikan, pelajar, guru-guru dan sebagainya. Selain itu, personaliti *Big Five* juga merupakan sesuatu faktor yang boleh mempengaruhi atau memberi impak yang besar dalam pencapaian akademik pelajar dari segi kualiti dan mutu produktiviti seseorang pelajar. Hal ini kerana iaanya melibatkan personaliti seseorang iaitu bagaimana individu tersebut membentuk tingkah laku mereka, cara berfikir, persepsi terhadap sesuatu perkara, cara mengatasi sesuatu masalah dan sebagainya. Justeru itu, sejak personaliti *Big Five* telah diakui, ia menerangkan tujuan kajian ini iaitu untuk mengkaji mengenai kewujudan hubungan antara personaliti *Big Five* dan tahap pencapaian akademik pelajar. Bahkan, kajian ini adalah berbeza dengan kajian lain yang lebih awal kerana ia melibatkan konteks yang berbeza iaitu melibatkan bangsa tempatan.

Secara umumnya, penyelidikan ini untuk memberi pendedahan kepada masyarakat tentang kepentingan personaliti *Big Five* dan hubungannya dengan pencapaian akademik pelajar. Kesan daripada pendedahan ini akan membolehkan pelajar mencapai kejayaan dari segi pencapaian akademik, pengendalian hubungan antara keluarga dan rakan-rakan serta

persekitaran pengajian. Justeru, kualiti dan produktiviti setiap pelajar bergantung kepada personaliti yang wujud di dalam diri seseorang pelajar tersebut.

Skop Kajian

Kajian ini melibatkan pelajar di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) iaitu seramai 200 orang pelajar dari pelbagai fakulti. Kaedah untuk kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu mengedarkan borang soal selidik kepada pelajar, mengumpul data dan menganalisis data menggunakan SPSS.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab ini menjelaskan pengenalan kajian, pernyataan masalah, latar belakang kajian, objektif kajian, hipotesis kajian, definisi istilah, kerangka konseptual, kepentingan kajian, dan akhir sekali skop kajian.

BAB DUA

SOROTAN KAJIAN

Konsep

Personaliti *Big Five*. Personaliti *Big Five* merupakan satu isu yang telah banyak dikaji oleh pengkaji-pengkaji lepas. Antara isu yang sering dikaitkan dengan personaliti *Big Five* ialah pencapaian akademik pelajar (Robins, John, & Caspi, 1998), kepuasan kerja (Barrick & Mount, 1991), cara pembelajaran pelajar, motivasi dan sebagainya. Personaliti banyak dikaitkan dengan tingkah laku manusia dan sering mendapat perhatian pengkaji untuk mengkaji tentang kepentingan personaliti yang tertentu dalam kehidupan akan datang.

Personaliti *Big Five* merupakan pendekatan yang digunakan dalam psikologi untuk melihat keperibadian manusia melalui trait yang tersusun dalam lima buah domain keperibadian. Tokoh pelopornya adalah Allport dan Cattell. Lima trait keperibadian tersebut adalah *extraversion, agreeableness, conscientiousness, neuroticism, dan openness to experiences*. Trait-trait dari personaliti *Big Five* yang dikemukakan oleh Robert R. McCrae dan juga Paul T. Costa adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1

Personaliti *Big Five* yang dikemukakan oleh Costa & McCrae

Personaliti <i>Big Five</i>	Maksud
<i>Extraversion</i>	<p><i>Extraversion</i> merupakan golongan yang terdiri daripada suka bergaul. Walau bagaimanapun, faktor-faktor lain juga dapat mempengaruhi personaliti <i>extraversion</i>. Melalui Watson dan Clark (<i>in press</i>), "extraverts lebih pandai bergaul, tetapi juga digambarkan sebagai lebih aktif dan impulsif" (ms. 769). <i>Extraversion</i> juga dapat dikaitkan dengan pengalaman emosi yang positif, dan</p>

	<p>golongan <i>extraversion</i> ini lebih cenderung untuk mengambil peranan kepimpinan dan mempunyai lebih ramai kawan-kawan rapat (Watson & Clark, <i>in press</i>).</p>
<i>Agreeableness</i>	<p>Golongan <i>agreeableness</i> adalah seseorang individu yang dapat memberi kerjasama antara satu sama lain. Selain itu, golongan ini juga boleh mempercayai orang lain, penyayang, serta disukai kerana mempunyai sifat yang baik, ceria, dan lembut. Sebagai contoh, fleksibiliti, kreativiti, dan seorang yang mempunyai intelek yang terbuka boleh memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan.</p>
<i>Conscientiousness</i>	<p>Personaliti trait <i>conscientiousness</i> merupakan personaliti trait yang paling konsisten dan sering dikaitkan dengan prestasi di seluruh pekerjaan berdasarkan kajian Salgado (seperti dirujuk dalam Thoresen, Bradley, Bliese & Thoresen, 2004), dapat dilihat dalam tiga aspek yang berkaitan dengan orientasi pencapaian (rajin dan gigih), kewibawaan (bertanggungjawab dan berhati-hati), dan keteraturan (sistematik dan tersusun). Oleh itu, personaliti trait <i>conscientiousness</i> sering dikaitkan dengan tahap individu kawalan diri, dan juga keperluan untuk pencapaian, perintah, dan ketekunan (Costa, McCrae, & Dye, 1991).</p>

<i>Neuroticism</i>	<i>Neuroticism</i> merujuk kepada kekurangan penyesuaian psikologi positif dan kestabilan emosi. Menurut, Costa dan McCrae (1992) telah membahagikan personaliti trait <i>neuroticism</i> kepada enam aspek iaitu kebimbangan, permusuhan, kemurungan, kesedaran diri, kelemahan, dan gerak hati. Individu yang mempunyai skor yang tinggi pada personaliti trait <i>neuroticism</i> adalah lebih cenderung untuk mengalami pelbagai masalah, termasuk perasaan negatif (kebimbangan, ketakutan, kemurungan, keresahan) dan gejala fizikal.
<i>Openness to experiences</i>	<i>Openness to experiences</i> merupakan personaliti trait yang sering dikaitkan dengan pemikiran seseorang iaitu dari segi falsafah dan intelektual. Sebagai contoh, bagaimana seseorang itu bersedia untuk melakukan penyesuaian pada suatu idea atau situasi yang baru. Selain itu, <i>openness to experiences</i> juga dapat membangunkan pertumbuhan peribadi seseorang. Seseorang yang terbuka terhadap pengalaman lebih mudah untuk mendapatkan jalan penyelesaian untuk suatu masalah.

Pencapaian Akademik. Sepanjang tahun, definisi istilah bagi pencapaian akademik sering dilakukan oleh pelbagai penyelidik dan ianya tidak mempunyai banyak perbezaan. Pencapaian dalam bidang akademik masih diakui sebagai sesuatu yang memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan masa depan. Universiti dan kolej dipanggil sebagai